



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KEPASTIAN KERJAYA REMAJA:
SATU KAJIAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.**

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

FPP 1999 18

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KEPASTIAN KERJAYA REMAJA :
SATU KAJIAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.**

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
KEPASTIAN KERJAYA REMAJA :
SATU KAJIAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.**

Oleh

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

**Projek yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains
di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Februari 1999



PENGHARGAAN

Setinggi- tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya meyempurnakan tesis master dengan jayanya. Alhamdulillah.....

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Profesor Madya Dr. Othman Dato' Hj. Mohamed yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan, teguran dan dorongan bagi menjalankan kajian dan menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Dr. Rusnani Abdul Kadir dan Dr. Rohani Ahmad Termizi yang turut memberi bimbingan dan dorongan dalam menyiapkan tesis ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada isteri yang amat saya cintai, Rozila Bte Mobin yang sentiasa memberi dorongan, pertolongan dan semangat semasa saya menyiapkan tesis ini.

Untuk keluarga tersayang, Ma, Abah dan adik-adik yang banyak berkorban dan tidak pernah merasa jemu memberikan sokongan dan dorongan bagi menyiapkan tesis ini. Untuk Ayah Ngah, terima kasih kerana banyak memberi sokongan dan sudi menjadi penjamin pengajian

*Buat akhirnya, tidak lupa kepada Kementerian Pendidikan Malaysia,
Jabatan Pendidikan Selangor Darul Ehsan, sekolah-sekolah yang terpilih,
rakan-rakan kaunselor dan rakan-rakan yang banyak memberi bantuan.
Tanpa kerjasama kalian tidak mungkin kajian ini dapat disempurnakan.
Doa dan pengorbanan kalian akan sentiasa segar dalam sanubariku.*

Ikhlas daripada,

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

| KANDUNGAN | | Muka Surat |
|-----------------------------|-------|-------------------|
| PENGHARGAAN | | ii |
| SENARAI JADUAL | | vii |
| ABSTRAK | | ix |
| ABSTRACT | | xi |
| | | |
| BAB | | |
| 1. PENGENALAN | | |
| Latar belakang kajian | | 1 |
| Pernyataan masalah | | 5 |
| Tujuan kajian | | 7 |
| Hipotesis kajian | | 7 |
| Kepentingan kajian | | 9 |
| Definisi operasional | | 9 |
| Batasan kajian | | 13 |
| | | |
| 2. SOROTAN LITERATUR | | 14 |
| | | |
| 3. METODOLOGI | | |
| Pengenalan | | 31 |
| Reka bentuk kajian | | 31 |
| Lokasi kajian | | 33 |
| Populasi kajian | | 33 |
| Prosedur pemilihan sampel | | 33 |

| | | |
|--|-------|----|
| Analisis kuasa saiz sampel | | 35 |
| Alat kajian | | 38 |
| Pengumpulan data | | 39 |
| Kebolehpercayaan alat kajian | | 40 |
| Penganalisan data | | 42 |
| 4. HASIL KAJIAN | | |
| Pengenalan | | 45 |
| Pembolehubah-pembolehubah Demografi | | 47 |
| Perbincangan terhadap hipotesis- hipotesis kajian | | 58 |
| Pengujian hipotesis 1 | | 58 |
| Pengujian hipotesis 2 | | 59 |
| Pengujian hipotesis 3 | | 60 |
| Pengujian hipotesis 4 | | 61 |
| Pengujian hipotesis 5 | | 61 |
| Pengujian hipotesis 6 | | 63 |
| Pengujian hipotesis 7 | | 64 |
| 5. PERBINCANGAN DAN CADANGAN | | |
| Pengenalan | | 65 |
| Kesimpulan | | 69 |
| Implikasi kajian | | 70 |
| Saranan kajian | | 71 |

| | | |
|------------------------------|-------|-----|
| Cadangan | | 74 |
| Rumusan dan Penutup | | 75 |
| | | 76 |
| BIBLIOGRAFI | | |
| LAMPIRAN | | |
| A. Soal-selidik penyelidikan | | 84 |
| B. Surat-surat kebenaran | | 99 |
| | | 105 |
| BIODATA DIRI | | |



SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka Surat |
|--|------------|
| 1 Persampelan mengikut kategori sekolah, bangsa dan jantina | 38 |
| 2 Taburan Responden mengikut Umur | 47 |
| 3 Taburan Responden mengikut Jantina | 48 |
| 4 Taburan Responden mengikut Bangsa | 49 |
| 5 Taburan Responden mengikut Agama | 50 |
| 6 Taburan Responden mengikut Aturan Kelahiran | 51 |
| 7 Taburan Responden mengikut Lokasi Sekolah | 52 |
| 8 Taburan Responden mengikut Sekolah | 52 |
| 9 Taburan Responden mengikut Pendapatan Bapa | 54 |
| 10 Taburan Responden mengikut Pendapatan Ibu | 55 |
| 11 Taburan Responden mengikut Pendapatan Ibu dan Bapa | 56 |
| 12 Ringkasan Statistik yang Mengukur Nilai Pekerjaan, Lokus Kawalan dan Kepastian Kerjaya secara Keseluruhan | 57 |

| | |
|---|----|
| 13 Ujian-t menunjukkan Perbezaan di antara Jantina dan Kepastian Kerjaya | 58 |
| 14 Ujian Anova-sehala menunjukkan Perbezaan di antara Bangsa dalam Kepastian Kerjaya | 59 |
| 15 Ujian Anova-sehala menunjukkan Perbezaan di antara Agama dalam Kepastian Kerjaya | 60 |
| 16 Ujian-t menunjukkan Perbezaan dalam Kepastian Kerjaya di antara Remaja yang Bersekolah di Bandar dan di Luar Bandar | 61 |
| 17 Ujian Pekali Korelasi Pearson-r menunjukkan Hubungan di antara Status Sosial Ekonomi dengan Kepastian Kerjaya di Kalangan Remaja | 62 |
| 18 Ujian Pekali Korelasi Pearson-r menunjukkan Hubungan di antara Nilai Pekerjaan dengan Kepastian Kerjaya | 63 |
| 19 Ujian Pekali Korelasi Pearson-r menunjukkan Hubungan di antara Lokus Kawalan dengan Kepastian Kerjaya Remaja | 64 |



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPASTIAN KERJAYA
REMAJA : SATU KAJIAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.**

Oleh

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

Februari 1999

**Penyelia : Othman Dato' Hj. Mohamed, Ph.D.,
Profesor Madya**

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya remaja iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara lokus kawalan, nilai pekerjaan dan faktor demografi dengan kepastian kerjaya. Keduanya untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan faktor-faktor demografi (jantina, etnik, agama dan tempat belajar sama ada bandar atau luar bandar) dengan kepastian kerjaya. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan. Sampel kajian adalah seramai 355 orang yang diambil mengikut jantina, bangsa dan lokasi sekolah sama ada bandar atau luar bandar. Alat kajian yang digunakan ialah soal-selidik lokus kawalan oleh Rotter (1966) untuk mengukur lokus kawalan, soal-selidik nilai pekerjaan oleh Zakaria Kasa (1993) untuk mengukur nilai pekerjaan dan soal-selidik kepastian kerjaya oleh Othman Mohamed (1966). Data dianalisis dengan menggunakan ujian-t, ujian-Anova sehala dan ujian korelasi *Pearson*. Ujian-t digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina, tempat belajar dalam kepastian kerjaya. Ujian-Anova sehala digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara bangsa, agama dalam kepastian kerjaya. Manakala ujian korelasi *Pearson* digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara status sosial ekonomi, nilai pekerjaan, lokus kawalan dengan kepastian kerjaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dalam kepastian kerjaya ($t(352.89) = .71, p > .05$).



Seterusnya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan di antara bangsa dalam kepastian kerjaya ($F(2) = 8.73, p < .05$). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara agama dalam kepastian kerjaya ($F(3) = 5.06, p < .05$).

Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja yang bersekolah di bandar dan di luar bandar dalam kepastian kerjaya ($t(351.93) = .22, p > .05$). Ia juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara status sosial ekonomi dengan kepastian kerjaya ($r(355) = .0121, p > .05$). Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai pekerjaan dengan kepastian kerjaya ($r(355) = .0007, p > .05$). Akhir sekali, hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan kepastian kerjaya ($r(355) = -.061, p > .05$).

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies,
Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the
Degree of Master of Science.

**FACTORS INFLUENCING ADOLESCENTS' CAREER DECISION :
A STUDY IN SELANGOR DARUL EHSAN**

By

WAN MARZUKI BIN WAN JAAFAR

Februari 1999

**Supervisor : Othman Dato' Hj. Mohamed, Ph.D.,
Associate Professor**

Faculty : Educational Studies

The main purpose of the study was to investigate the factors that influence career decision. First, to determine whether there is a significant relationship between locus of control, work values, demographic factors and career decision. Second, to determine whether there is a significant differences between demographic factors (gender, ethnic, religion and school whether urban or rural) and career decision. 355 respondents from the secondary schools in Selangor were choose by purposive sampling. The Rotter Locus of Control (1966) was used to measure locus of control. Work values Inventory by Zakaria Kasa (1993) was used to measure work values and Career Decision Inventory by Othman Mohamed (1996) was used to measure career decision. The data was analyzed by using the t-test to determine the significant differences between gender and school location (urban or rural) on career decision. One-way Anova was used to determine if significant differences existed between ethnic and religion in career decision. Pearson-Correlation was used to determine the relationships between social economic status, work values and locus of control with career decision. Results showed that there is no significant differences between gender in career decision ($t(352.89) = .71, p > .05$). Also it was found, there was significant differences between ethnic group in career decision ($F(2) = 8.73, p < .05$). There was also a significant differences between religious groups on career decision ($F(3) = 5.06, p < .05$). No significant difference was found between urban and rural schools on career decision ($t(351.93) = .22, p > .05$). There was no significant relationship between social economic status and career decision ($r(355) = .0121, p > .05$). No significant relationship between work values and career decision ($r(355) = .0007, p > .05$).



Finally was found in the study, there was no significant relationship between locus of control and career decision ($r(355) = -.061, p > .05$).



BAB SATU

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Dewasa ini apabila menyentuh mengenai remaja, kita tak dapat lari daripada mempersepsi mereka sebagai satu golongan muda yang sedang berusaha untuk mencapai kestabilan daripada pelbagai aspek kehidupan terutama aspek masa depan dan kerjaya mereka. Remaja boleh dinilai dari pelbagai kategori. Sebagai contoh ada segolongan remaja yang begitu berkeyakinan dengan kerjaya pada masa hadapan mereka, manakala segolongan remaja yang lain dilihat sebaliknya iaitu masih lagi tidak pasti. Menurut Brown dan Brooks (1991), individu yang tidak pasti dengan pilihan kerjaya biasanya menunjukkan mereka sebagai individu yang tak pasti dan tak ada pilihan. Lebih daripada jangkamasa hidup yang lain, peringkat remaja adalah waktu kritikal sesuatu keputusan kerjaya dibuat. Remaja merupakan masa transisi dan persediaan mencirikan orang muda dalam mengendalikan hidup dewasa (Banks, Bates, Breakwell, Bynner, Emler, Jamieson dan Roberts, 1992). Perubahan biologikal yang berkaitan bermula pada umur 14.5 tahun bagi lelaki dan 13.5 tahun bagi perempuan.



Seterusnya, transisi daripada remaja kepada dewasa melibatkan perubahan peranan dan tanggungjawab orang dewasa (Tanner, 1962). Orang dewasa biasanya mempunyai kerjaya yang stabil, kewangan yang bebas, berkahwin, terlibat dalam politik serta kemungkinan mempunyai anak. Peringkat remaja merupakan satu tahap di mana individu mula bersedia ke arah kestabilan tersebut. Walau bagaimanapun banyak ciri-ciri kedewasaan adalah lahir di awal kehidupan, dan ini merupakan satu jalan yang kritikal bagi mereka untuk mencecah umur 20-an. Pendidikan, pekerjaan dan masa rehat memberikan mereka pelbagai pilihan yang perlu mereka gunakan sewajarnya. Dalam jangka masa 16 hingga 19 tahun individu remaja melalui pelbagai pengalaman dalam pencapaian akademik, kehidupan sosial dan sebagainya merupakan satu masa yang kritikal dalam menentukan hala tuju di masa akan datang. Pilihan-pilihan yang dibuat ini berkemungkinan dipengaruhi oleh budaya-budaya kelompok mereka. Malah, kelas sosial, jantina, etnik dan juga lokus kawalan juga turut berperanan dalam membentuk aspirasi iaitu faktor yang membentuk ciri-ciri diri remaja itu. Pengaruh ini dianggap sebagai satu media antara hubungan sosial dengan kematangan individu. Dalam pemilihan kerjaya oleh individu, remaja turut dipengaruhi secara dominan oleh keluarga yang banyak memberikan nasihat dan bimbingan kepada mereka. Pihak lain seperti saudara-mara terdekat, pemimpin-pemimpin remaja dan guru juga turut berperanan dalam mempengaruhi remaja membuat keputusan.

Dalam konteks ini, bimbingan kerjaya yang diberikan oleh para pendidik terutama kaunselor bimbingan dan kerjaya dirasakan amat penting dalam mempengaruhi individu remaja membuat keputusan mengenai kerjaya masa depan mereka. Bagi individu remaja yang berada dalam lingkungan pertengahan 20-an, ketika berhadapan dengan dilema ini, kebarangkalian adalah tinggi untuk memikirkan dan memutuskan apa yang harus dibuat, iaitu sama ada untuk meneruskan pendidikan atau meninggalkannya untuk mendapatkan pekerjaan. Terdapat segolongan remaja yang terus meninggalkan alam pendidikan dan ada segolongan lagi meneruskannya. Di luar alam pendidikan, remaja mempunyai pelbagai alternatif sama ada untuk memilih pekerjaan-pekerjaan, skim-skim latihan atau kerja-kerja separuh masa yang tidak terikat. Ketika berumur 19 tahun, resolusi kepada kebanyakan dilema-dilema ini yang berkaitan dengan pilihan pekerjaan kebanyakannya telah dicapai (Banks et al. 1992).

Di awal 20-an, sebagaimana dilaporkan oleh Hendry (1989), aktiviti masa lapang untuk orang muda tertumpu kepada aturan orang dewasa seperti kelab-kelab belia, berpengakap dan sebagainya. Secara kebetulan aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada remaja untuk menghabiskan masa dalam kumpulan remaja tertentu seperti menghabiskan masa di rumah rakan-rakan atau menceburi aktiviti berkumpulan seperti bersukan. Mengisi masa lapang juga merupakan

satu jenis pilihan, pasukan manakah yang harus disokong, stail muzik yang bagaimana yang dikehendaki, pakaian apa yang perlu dipilih untuk melambangkan identiti, dan juga bagaimana untuk menunjukkan perasaan setiakawan kepada rakan sebaya. Namun ini juga merupakan pilihan-pilihan yang memerlukan remaja membuat keputusan untuk menentukannya (Bynner, 1969). Pada dekad-dekad kebelakangan ini, Schaffer dan Hargreave (1978) menyatakan bahawa kebanyakan remaja menyertai pasaran buruh pada peringkat umur 16 tahun, dan ini adalah pengalaman hidup yang normal bagi remaja. Courteney (1988), melalui kajiannya mendapati bahawa hampir separuh remaja yang berumur 16 masih kekal dalam alam pendidikan, manakala mereka yang terus bekerja selepas meninggalkan sekolah adalah sedikit sahaja iaitu kurang daripada dua puluh peratus. Bagi remaja yang masih meneruskan pendidikan, mereka akan terus berhadapan dengan pilihan dan masih terus dalam dilema untuk membuat keputusan yang meyakinkan. Mereka ini berhadapan dengan pilihan-pilihan kursus dan juga pelbagai pilihan lain, misalnya sama ada untuk mengambil kursus vokasional atau akademik, sama ada untuk belajar sambil bekerja atau belajar sepenuh masa, sama ada untuk ke universiti, kolej, maktab atau sebagainya. Jelas fenomena di atas memperlihatkan bahawa remaja, ketika memerlukan mereka untuk membuat keputusan, menentukan pilihan tentang masa depan dan kerjaya, mereka akan mengalami sindrom kekurangpastian.

Seandainya mereka meninggalkan alam pendidikan tidak melibatkan diri dalam bidang-bidang pekerjaan, mereka didapati menyertai pelbagai skim latihan dan juga kerja separuh masa yang tidak terikat. Bagi remaja yang masih meneruskan pendidikan, mereka akan terus berhadapan dengan pilihan-pilihan kursus dan juga pelbagai pilihan lain sama ada untuk mengambil kursus vokasional atau akademik, sama ada untuk mencampurkan belajar dengan kerja sambil, sama ada untuk ke universiti atau sebagainya. Mereka ini masih tidak begitu pasti dengan kerjaya mereka masa depan. Oleh itu adalah penting bagi kita untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi kepastian kerjaya remaja itu sendiri supaya tindakan yang sewajarnya dapat dilakukan dalam proses membantu mereka.

Pernyataan Masalah

Kepastian terhadap kerjaya di kalangan remaja bukanlah dipengaruhi oleh sistem pembelajaran semata-mata, tetapi juga boleh dilihat daripada beberapa faktor terutamanya yang melibatkan diri remaja itu sendiri. Super (1983) menegaskan bahawa keputusan berhubung dengan kerjaya seseorang individu pada sepanjang hidupnya mempunyai hubungan dengan penentu-penentu ekonomi, sosial dan psikologi. Penentu-penentu ekonomi termasuklah edaran perdagangan, perubahan teknologi dan peperangan. Penentu sosial

pula termasuklah sosio-ekonomi, pendidikan, kewarganegaraan, bangsa, agama dan jantina. Penentu psikologi pula meliputi warisan biologi, kecerdasan, bakat istimewa dan nilai.

Proses perkembangan ini pula bukan sahaja melibatkan kompromi luaran antara individu dengan dunia pekerjaan, sebaliknya ia juga melibatkan kompromi dalaman antara keperluan individu, ibu bapa dan pengaruh kebudayaan (Super 1957). Krumboltz (1983) menyatakan faktor-faktor seperti pewaris genetik, peristiwa-peristiwa persekitaran, pengalaman pembelajaran kognitif, emosi, pencapaian dan kemahiran memberi kesan kepada proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kerjaya. Daripada pendapat Super (1957) dan Krumboltz (1983), maka terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya individu. Oleh itu apakah pengaruh ekonomi, sosial dan psikologi itu turut mempengaruhi kepastian kerjaya individu dalam konteks senario di Malaysia. Sehubungan ini, pengkaji beranggapan bahawa kemungkinan faktor-faktor seperti nilai pekerjaan, lokus kawalan, umur, jantina, etnik, status sosial ekonomi, bandar dan luar bandar juga merupakan faktor-faktor penting yang mempengaruhi kepastian kerjaya. Maka, kajian ini dijalankan bagi mencerap perkaitan faktor-faktor yang penting itu dengan kepastian kerjaya remaja terutamanya di kalangan remaja Malaysia.

Tujuan Kajian

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya remaja. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:-

1. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya di kalangan remaja.
2. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara faktor demografi, lokus kawalan, nilai pekerjaan dan faktor-faktor demografi dengan kepastian kerjaya remaja.
3. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan faktor-faktor demografi (jantina, etnik, agama dan tempat belajar sama ada bandar atau luar bandar), nilai pekerjaan dan lokus kawalan dengan kepastian kerjaya remaja.

Hipotesis Kajian

Hipotesis 1

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dalam kepastian kerjaya di kalangan remaja.

Hipotesis 2

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara bangsa dalam kepastian kerjaya di kalangan remaja.

Hipotesis 3

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara agama dalam kepastian kerjaya di kalangan remaja.

Hipotesis 4

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepastian kerjaya di antara remaja yang bersekolah di bandar dan luar bandar.

Hipotesis 5

Terdapat hubungan yang signifikan di antara status sosial ekonomi dengan kepastian kerjaya di kalangan remaja.

Hipotesis 6

Terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai pekerjaan dengan kepastian kerjaya di kalangan remaja.

Hipotesis 7

Terdapat hubungan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan kepastian kerjaya remaja.

Kepentingan Kajian

Kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya remaja perlu dijalankan dewasa ini agar ia dapat membantu para remaja terutamanya remaja yang masih kurang pasti dengan masa depannya. Menurut Brown dan Brooks (1991), individu yang tidak pasti dengan pilihan kerjaya biasanya menunjukkan mereka sebagai individu yang tak pasti dan tidak ada pilihan. Maka, dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran sebenar dan pengetahuan yang berguna kepada pihak tertentu seperti kaunselor, pendidik dan pemimpin remaja agar dapat merancang dan menyediakan program-program yang dapat membantu remaja itu sendiri. Merujuk kepada sumbangan teoritikal pula, diharapkan kajian ini akan dapat menambahkan koleksi keilmuan yang berkaitan dengan aspek kerjaya terutamanya remaja. Tambahan pula kajian ini memberi fokus kepada kajian tempatan dan boleh dijadikan panduan kepada kajian-kajian yang akan datang.

Definisi Operasional

Kepastian Kerjaya

Bagi kajian ini, kepastian kerjaya dirujuk kepada cara individu melihat dan memahami dirinya berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh responden (remaja terhadap kenyataan-kenyataan yang

diambil daripada Inventori Kepastian Kerjaya oleh Othman Mohamed (1997). Kepastian kerjaya dalam kajian ini merujuk kepada skor keseluruhan kepastian kerjaya.

Jantina

Menurut Ivy dan Backlund (1994), jantina merupakan ciri-ciri psikologikal dan emosional yang terdapat dalam setiap individu seperti ciri-ciri kekelakian, kewanitaan atau gabungan kedua-dua ciri tersebut. Ia melibatkan trait-trait personaliti seperti sikap, kepercayaan dan nilai, orientasi seksual dan persepsi terhadap peranan lelaki dan perempuan yang bersesuaian dengan masyarakat. Dalam kajian ini, jantina merujuk kepada remaja lelaki dan remaja perempuan yang berumur 16 hingga 19 tahun.

Etnik

Kumpulan etnik terdiri daripada manusia yang mempunyai latar belakang sosial dan budaya yang sama dan perasaan adanya identiti yang sama antara mereka. Menurut Gordon (1983), menyatakan bahawa etnik adalah kumpulan manusia yang secara sosialnya berbeza dengan kumpulan-kumpulan lain, telah membangunkan sub budayanya tersendiri dan mempunyai "*a shared feeling of peoplehood*". Etnik dalam kajian ini adalah merujuk kepada bangsa Melayu, Cina dan India.

Agama

Agama merupakan suatu pegangan dan kepercayaan sesuatu bangsa atau kaum. Dalam kajian ini agama merujuk kepada agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu.

Status Sosio-ekonomi

Status sosio-ekonomi dalam kajian ini merujuk kepada pendapatan keluarga iaitu jumlah pendapatan bulanan ibu dan bapa.

Bandar dan Luar Bandar

Dalam kajian ini bandar merujuk kepada remaja yang bersekolah di sekolah-sekolah di bandar manakala luar bandar merujuk kepada remaja yang bersekolah di luar bandar di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Nilai Pekerjaan

Pengertian nilai ialah apabila seseorang memberikan penilaian kebaikan dan keburukan, merit dan penggunaannya. Ia merupakan satu standard yang boleh membuatkan seseorang individu melakukan sesuatu yang dikehendakinya. Apabila individu itu menyatakan sesuatu itu penting untuknya atau berkait rapat dengannya individu itu berpegang kepada nilainya. Nilai berkaitan dengan keperluan, walau bagaimanapun ia tidaklah sama seperti keperluan. Nilai bukanlah satu trait perlakuan yang boleh diperhatikan secara luaran tetapi ianya